


Majlis Berbuka Puasa Bersama Tuanku Canselor



Sempena menyambut bulan Ramadhan Al-Mubarak 1424H, Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) telah mengadakan Majlis Berbuka Puasa Bersama Tuanku Canselor pada 18 November 2003. Majlis tersebut merupakan salah satu daripada aktiviti Program Ihya' Ramadhan bagi tahun ini. Majlis berlangsung di Kampus Kubang Gajah, Arau, Perlis dan melibatkan semua staf dan pelajar KUKUM.



DYMM Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan DYTMM Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah telah berkenan berangkat ke majlis tersebut. Majlis ini merupakan Majlis pertama DYMM Pemangku Raja Perlis selaku Canselor KUKUM setelah diperkenan perantikannya oleh SPB Yang Dipertuan Agong berkuatakuasa mulai 1 September 2003. Tetamu kenamaan lain yang turut hadir ialah Y.B. Speaker Dewan Undangan Negeri serta Ketua-Ketua Jabatan Negeri .



Disediakan oleh : Norsyahiza bt. Hamzah

Majlis dimulakan dengan bacaan Asma Al-Husna sebaik sahaja keberangkatan tiba Tuanku Canselor dan Tuanku Raja Puan Muda. Seterusnya Tuanku berdua berbuka puasa bersama tetamu-tetamu lain dan menunaikan solat Maghrib, Isya' dan Terawih berjemaah yang diimamkan oleh Ustaz Ismail Hassan Batu Bara.

Selesai menunaikan solat, hadirin diperdengarkan bacaan Al-Quran oleh pemenang tilawah iaitu En. Faaizulaswad Mohd. Salleh bagi kategori staf dan saudari Rozana Aina Maulat Osman bagi kategori pelajar. Majlis turut diserikan dengan nyanyian nasyid oleh pelajar dan staf KUKUM. Tuanku berdua seterusnya telah berkenan menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang tilawah dan turut menyampaikan sumbangan kepada warga emas yang dijemputkan khas daripada beberapa buah Rumah Orang-Orang Tua sekitar negeri Perlis.

Sesungguhnya kehadiran baginda berdua telah menyerikan lagi Majlis tersebut dan berjaya mengeratkan lagi hubungan di antara semua lapisan staf dan pelajar. Majlis seperti ini akan terus menjadi tradisi KUKUM dalam usaha merealisasikan ILMU, KECEMERLANGAN, KEIKHLASAN.